

Headline **Cari pelabur untuk biofuel baru**  
Date **03 Jun 2010**  
MediaTitle **Kosmo**  
Section **Bisnes**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**  
Page No **L-54**  
Article Size **248 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **2,156**  
PRValue **6,469**



# Cari pelabur untuk biofuel baru

**KUALA LUMPUR** – Che Dzauddin Ishak Sdn. Bhd. (CDI) sedang mencari pelabur untuk mengkomersialkan *Torrefied Acasia Wood Pellets* (TRAW), biofuel berkecekapan tinggi.

TRAW merupakan hasil daripada usaha pembangunan dan penyelidikan FRIM untuk mencari lebih banyak kegunaan tambah nilai bagi pokok akasia yang ketika ini hanya digunakan untuk membuat serpihan kayu.

"Pada masa sekarang, CDI merupakan badan promosi dan kami sedang mencari pelabur," kata Pengerusinya, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawan Teh pada majlis menandatangani perjanjian pelesenan dengan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) di sini semalam.

Perjanjian tersebut bertujuan untuk memberi hak eksklusif kepada syarikat tersebut

untuk mengkomersialkan TRAW.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod.

FRIM menjual hak tersebut kepada CDI yang merupakan syarikat kejuruteraan yang menyediakan penyelesaian menyeluruh dalam tenaga boleh diperbaharui di negara ini dengan tempoh perjanjian pelesenan selama 10 tahun untuk nilai RM2.5 juta.

Abdul Hamid menjelaskan, ketika ini syarikat tersebut sedang berunding dengan beberapa pelabur berpotensi untuk membawa produk bahan api hijau baru itu ke dalam pasaran.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan pelabur-pelabur tersebut.

"Sebaik sahaja pelabur dikenal pasti bagi modal yang diperlukan untuk memulakan

projek tersebut, CDI akan membina kilang pembuatan berskala besar yang dijangka mengambil masa setahun untuk disiapkan.

"Kami belum lagi menentukan berapa banyak kilang akan dibina atau mengenal pasti lokasinya," terangnya.

CDI mengunjurkan kira-kira RM10 juta bagi sebuah kilang dan ia dijangka menghasilkan anggaran 100,000 tan TRAW setahun.

Mengulas mengenai sasaran pasaran bagi biofuel baru itu, Abdul Hamid berkata, ketika ini permintaan khususnya diterima dari pelabur luar negara.

"Justeru itu, kami merancang untuk menembusi pasaran Eropah terlebih dahulu," katanya sambil menambah TRAW dijangka berada dalam pasaran dalam tempoh dua tahun lagi.



ABDUL LATIF (kiri) dan Pengarah CDI, Che Dzauddin Ishak meneliti dokumen perjanjian di Kuala Lumpur semalam.